

## "KEMPEN JOM STUDY"

Oleh ; Nadiatun Zawiyah Binti Supardi (MPP 2008/2009)

"KEMPEN JOM STUDY" merupakan kempen yang julung kali diadakan oleh Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Malaysia Perlis. Kempen ini berlangsung sepanjang bulan tiga hinggalah bulan lima. Bersesuaian dengan nama yang telah diberikan, Majlis Perwakilan Pelajar UniMAP telah bekerjasama dengan pihak perpustakaan UniMAP bagi menjayakan lagi kempen ini.

Secara literalnya, "Kempen Jom Study" ini diadakan bagi tujuan menyedarkan para pelajar akan pentingnya masa yang digunakan untuk mengulangkaji pelajaran kearah kehidupan yang lebih berkualiti. Melalui kempen ini juga, pelajar di UniMAP akan lebih menghargai masa yang ada dan tidak membuang masa dengan melakukan aktiviti-aktiviti yang tidak berfaedah. Bersesuaian dengan masa pelancaran, kempen ini juga bertujuan untuk menyedarkan para pelajar bahawa ujian akhir semester adalah semakin hampir.

Dengan adanya kempen ini diharapkan dapat membantu menaikkan lagi prestasi akademik Universiti Malaysia Perlis agar dapat berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah, setanding dengan universiti-universiti lain di Malaysia.

ASME